

24 DEC 2002

MAHATHIR-ICT/I

M'SIA BOLEH MAJU SEPERTI NEGARA MAJU LAIN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata bahawa Malaysia boleh menjadi maju seperti mana-mana negara maju dalam bidang-bidang tertentu khususnya dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya, ini adalah kerana Malaysia mempunyai peluang untuk bermula pada masa yang sama seperti negara-negara lain, tidak seperti semasa revolusi perindustrian dulu, apabila Malaysia hanya merupakan penerima dan bukan peserta.

"Dulu kita tanah jajahan, kita tidak menjadi peserta dalam revolusi perindustrian, kita hanya merupakan penerima. Tetapi hari ini, dalam IT, kita mempunyai peluang untuk bermula bersama dengan orang lain (dan) oleh itu sekurang-kurangnya kita dapat seiringan dengan negara lain ataupun, jika kita tercicir sekalipun, tidaklah kita terlalu jauh di belakang," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian dalam ucapan beliau pada majlis taklimat tahunan Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia mesti percaya kepada diri sendiri dan yakin tentang kebolehan mereka sendiri bahawa mereka juga sebaik orang di negara-negara maju lain.

"Jika kita tumpukan pemikiran kita bagi memahami proses penyelidikan dan pembangunan (R&D), kita boleh capai.

"Kita mestilah mendesak diri kita sendiri supaya terus mengolah apa yang kita ada," katanya.

"Kita kini hidup dalam zaman yang menyeronokkan dan kepintaran manusia seolah-olah tiada batasannya," katanya.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, sebagai orang bertamaddun, rakyat Malaysia mesti belajar menyesuaikan diri dengan persekitaran dan bukan sebaliknya.

Beliau menggesa sektor swasta supaya melabur dalam R&D kerana membeli teknologi daripada orang lain bukanlah cara yang betul.

Dr Mahathir menegaskan bahawa R&D adalah soal cara berfikir dan budaya. "Ada orang, ada budaya, ada bangsa berupaya menjalankan banyak penyelidikan dan kemudian membangunkan hasilnya, manakala yang lainnya seolah-olah tidak berkeupayaan dan hanya menjadi pelanggan teknologi."

Di samping itu, ada banyak sektor seperti aeroangkasa, automotif, ICT dan pembuatan yang boleh dilakukan R&D oleh syarikat-syarikat bagi menyumbang kepada pembangunan dan peningkatan pencapaian negara ini, tegasnya. -- BERNAMA

NM MSL MKO KTC KY OS